

23 JUN 1999

Mahathir-KLIA

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN PRESTASI KLIA

PUTRAJAYA, 23 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau berpuas hati dan gembira dengan prestasi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang yang akan menyambut ulang tahunnya yang pertama Ahad ini.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata terdapat beberapa kelemahan yang perlu diatasi bagi meningkatkan lagi prestasi lapangan terbang itu.

"Saya berpuas hat... sebenarnya seperti tempat-tempat lain pada mulanya ada masalah sedikit," katanya kepada Bernama selepas mempengerusikan mesyuarat Jabatan Perdana Menteri di pusat pentadbiran kerajaan persekutuan di sini.

Dr Mahathir berkata KLIA memang mempunyai sedikit masalah ketika dibuka dahulu, sama seperti lapangan terbang-lapangan terbang lain yang baru dibuka termasuk di Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai pencapaian KLIA dalam tempoh setahun selepas pembukaannya dan mengenai kedudukan KLIA yang telah dipilih sebagai lapangan terbang ketiga terbaik di dunia.

Dr Mahathir berkata sesetengah lapangan terbang yang baru disiapkan hanya dibuka dua atau tiga tahun selepas itu sedangkan KLIA dibuka sebaik sahaja ia disiapkan.

Katanya, KLIA menghadapi masalah pada minggu pertama dan kedua sahaja dan selepas itu pelbagai kemajuan dialami.

"Nampaknya perkhidmatan yang diberikan adalah sangat baik, dengan berteraskan mesra pengguna. Saya puas hati tapi selepas ini kita akui perlu membuat lagi pembaikan dalam aspek tertentu.

"Antara lain yang perlu diperbaiki ialah memperbanyakkan papan tunjuk yang menggunakan bahasa-bahasa asing seperti bahasan Jepun dan bahasa lain yang digunakan oleh pelancong."

Dr Mahathir berkata ada pemimpin dan pelawat asing yang berjumpa beliau juga telah memberikan pujian terhadap KLIA.

Katanya, beberapa orang dari Amerika yang ditemuinya semalam dan yang tidak pernah datang ke negara ini sebelum ini telah memberikan pujian terhadap KLIA.

"Seorang daripadanya datang dari Denver (Amerika). Pelawat itu berkata selepas lapangan terbang baru dibuka di sana terdapat pelbagai masalah dengan pengurusan bagasi. Bagaimanapun beliau begitu berpuas hati dengan KLIA dan menganggap ia 'superb' (sangat hebat)."

"Kita kena ingat yang kita perlu memperbaiki perkhidmatan setiap masa. Jangan mudah berpuas hati dengan kejayaan, jangan ingat dah baik tak perlu meningkatkannya lagi," katanya.

-- BERNAMA

AR AHH NMO